

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى

أَهْلِ وَصْحَتِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ

## AMANAT PERASMIAN

**YANG AMAT BERTHORMAT  
DATUK PATINGGI TAN SRI (DR)  
ABANG HAJI ABDUL RAHMAN  
ZOHARI BIN TUN DATUK ABANG  
HAJI OPENG**

**PREMIER SARAWAK**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN  
NUZUL AL-QURAN  
PERINGKAT SARAWAK  
1444H/ 2023M**

PADA

**(JUMAAT) 7 APRIL 2023**

1. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, segala puji dan syukur kita zahirkan kepada Allah Subhanahuwataala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam serta ahli keluarga baginda dan para sahabat Radiallahu Anhum Ajma'in.

2. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya, maka kita dapat hadir dan mengimarahkan rumah Allah Subhanahuwataala sempena **Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Sarawak** bagi tahun 1444H bersamaan 2023M di Daerah Lawas pada tahun ini.

### **Salutasi**

**Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah sekalian,**

3. Al-Quran merupakan kalamullah, yang diturunkan kepada Rasulullah Salallahu `Alaihi Wasallam di dalam Bahasa Arab dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Nas. Al-Quran diturunkan selama tempoh 23 tahun secara mutawatir dan beransur-ansur. Hal ini untuk memantapkan hati Rasulullah Salallahu `Alaihi Wasallam. Ayat-ayat al-Quran juga diturunkan berdasarkan beberapa peristiwa yang berlaku.

4. Amalan memperbanyakkan membaca al-Quran di bulan Ramadan ini amatlah digalakkan. Membaca, tadabbur (menghayati) dan mengamalkannya juga merupakan satu perintah yang perlu diikuti. Al-Quran merupakan penawar dan menyelamatkan kita daripada pelbagai kerosakan.

5. Membudayakan al-Quran dalam setiap aspek kehidupan kita akan menjadikan jiwa dan hati kita tenang dan memberi syafaat bagi yang membacanya. Al-Quran mempunyai

banyak hikmah yang tersurat dan tersirat di dalamnya dan orang yang sentiasa melaziminya akan bertambah keberkatan di dalam kehidupannya dan kehidupan orang di sekelilingnya.

6. Al-Quran merupakan sebuah kitab yang sesuai dan relevan untuk sepanjang zaman dan tempat. Ia merupakan panduan dan pedoman kepada kita dalam menempuh kehidupan ini di dunia dan akhirat kelak. Ianya menjadi asas kepada agama dan sumber rujukan utama

bagi umat Islam baik dari segi akidah, ibadah, akhlak dan hukum hakam.

7. Ada beberapa kajian membuktikan hanya dengan mendengar bacaan ayat-ayat al-Quran, seorang muslim, baik mereka yang berbahasa Arab mahupun bukan, dapat merasakan perubahan fisiologi yang sangat besar. Penurunan tekanan, kesedihan, memperoleh ketenangan jiwa, merungkai pelbagai macam penyakit merupakan pengaruh umum yang dirasakan orang-orang yang menjadi objek kajiannya. Kajian ini adalah

secara saintifik dengan menggunakan peralatan elektronik terkini untuk mengesan tekanan darah, degupan jantung, ketahanan otot dan ketahanan kulit terhadap aliran elektrik.

8. Hasil kajian menunjukkan bahawa bacaan al-Quran berpengaruh besar sehingga **97%** dalam melahirkan ketenangan jiwa dan penyembuhan penyakit. Malah dalam laporan sebuah kajian dibentangkan pada Persidangan Pertubuhan Islam Amerika Utara pada 1984, disebutkan

al-Quran terbukti mampu mendatangkan ketenangan sehingga 97% bagi mereka yang mendengarkannya.

**Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian,**

9. Al-Quran adalah sumber intelektual dan spiritual Islam yang agung. Kalamullah ini adalah asas bukan hanya bagi agama dan pengetahuan spiritual tetapi bagi semua cabang ilmu pengetahuan.

Atas sebab itu, al-Quran hendaklah menjadi sumber utama dan inspirasi pandangan umat Islam tentang kesepaduan sains dan pengetahuan intelektual.

10. Islam adalah agama yang amat mementingkan dan menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Bahkan al-Quran telah memainkan peranan yang cukup penting dalam pembinaan tamadun Islam agar umatnya terus belajar dan belajar serta sering menyelidiki sesuatu perkara. Wahyu pertama yang

diturunkan kepada Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wasallam ialah tentang *Iqra`* iaitu suruhan membaca yang menjadi kunci ilmu pengetahuan, belajar untuk lebih mengetahui atau *'allama* dan juga menulis atau mencatat ilmu dan pengetahuan yang diperolehi atau *'al-qalam`*. Perkara ini dibuktikan di dalam wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasulullah saw dalam firman Allah dalam Surah al-Alaq ayat 1-5 yang bermaksud:

*"Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang*

*menciptakan sekalian makhluk. Dia menciptakan manusia daripada seketul darah beku. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."*

11. Berdasarkan surah al-'Alaq ini, kita dapat mengetahui betapa pentingnya membaca, belajar dan mencatat ilmu kepada manusia untuk mengembangkan pengetahuan mereka. Imam Syafii pernah mengungkapkan bahawa *"Sesiapa*

*yang inginkan dunia, hendaklah dia mempunyai ilmu, sesiapa yang inginkan akhirat, hendaklah dia mempunyai ilmu, sesiapa yang inginkan kedua-duanya, maka hendaklah dia mempunyai ilmu.”.*

Imam Syafii juga mengungkapkan *"Dan sesiapa yang tidak memanfaatkan masa mudanya untuk menuntut ilmu, maka bertakbirlah empat kali sebagai tanda kematiannya."*

12. Ungkapan ini sangat relevan kerana sikap malas membaca dan menuntut ilmu akan membawa kemudaratan iaitu masyarakat akan menjadi tidak kreatif, tidak inovatif, tidak kritikal dan pasif atau tidak responsif dengan keadaan semasa. Justeru, mereka mudah terpengaruh dengan perkara yang sia-sia sehingga menyebabkan kerugian atas diri mereka sendiri.

**Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian,**

13. Suasana masa kini memerlukan kita memberi tumpuan kepada kuasa siber dan kuasa kognitif atau "*cyberpower and brain power*" bagi menggerakkan Sarawak ke hadapan. Di bawah ekonomi digital, ilmu pengetahuan, kemahiran, rangkaian, inovasi, serta segala cabang ilmu pengetahuan adalah perlu dikuasai kerana teknologi bukan sahaja telah mengubah cara kita bekerja tetapi

juga pencapaian dan produktiviti kita. Sehubungan itu, al-Quran hendaklah menjadi panduan dalam setiap bidang ini kerana sudah pasti terdapat petunjuk berkenaan setiap bidang ini sekiranya ia difahami secara mendalam. Firman Allah dalam Surah Rum ayat 22 yang bermaksud:

*"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-*

*keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”*

**Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah sekalian,**

14. Kini kesedaran telah timbul terhadap bahaya dan kegagalan gaya hidup barat, malah barat tidak lagi dianggap satu-satunya model negara maju dan membangun. Apa yang jelas kelihatan sekarang kepada dunia ialah tamadun dan kebudayaan barat kini sedang di dalam proses penurunan.

Mahu tidak mahu barat terpaksa menerima hakikat bahawa asas-asas kemajuan sains dan teknologinya beserta dengan paradigma yang mendokong perkembangannya suatu masa lalu, mula dilihat sebagai *obsolete* dan ketinggalan zaman. Ini ialah kerana kemuncak kemajuan sains dan teknologi barat telah mengakibatkan berlakunya krisis yang bersifat global, terutamanya yang berkaitan dengan moral dan alam sekitar.

15. Perkembangan-perkembangan yang memperlihatkan peralihan tamadun dari barat ke bahagian-bahagian lain di Asia, meletakkan dunia di tempat yang baru di dalam sejarah. Dunia yang suatu masa dulu gawat dengan suasana perang dingin kini berubah kepada babak baru ke arah zaman moden. Cara pembangunan turut berubah dan memberi ruang kepada negara-negara membangun untuk memilih sendiri kaedah pembangunan yang sesuai dengan selera masing-masing. Kini pembangunan dan kemajuan

mengikut acuan sendiri menjadi ungkapan yang popular, disebut di mana-mana, walaupun untuk mencapainya masih perlu menempuh perjalanan yang jauh.

16. Begitulah juga halnya dengan negara kita Malaysia dan Sarawak khususnya. Kita merancang pembangunan mengikut acuan sendiri. Namun, dalam masa yang sama penekanan kita ialah pembangunan secara lestari tersebut perlulah selari dengan nilai-nilai Islam sebagai asasnya. Sejarah telah

membuktikan bahawa umat terdahulu yang maju hampir dalam serba serbinya adalah kerana berpegang kepada ajaran al-Quran yang dinamik yang mampu untuk menggerakkan masyarakat.

17. Seiring dengan itu juga, tugas generasi penggerak ialah berusaha membangunkan kembali masyarakat Islam di atas asas-asasnya yang asal. Di dalam konteks ini, Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya;

*"Tidak akan ada pembaikan bagi umat ini yang terakhir melainkan dengan apa yang membawa pembaikan kepada yang awalnya."*

18. Tahun 2023 menandakan tahun ketiga pelaksanaan PCDS 2030. Tahun 2023 juga merupakan tahun untuk menjalankan kajian separuh penggal bagi Rancangan Malaysia Ke-12. Ini penting kerana kita perlu menilai prestasi untuk memastikan perancangan ini berada di landasan yang betul ke arah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Dalam kajian

semula ini, adalah penting bagi kami untuk mengutamakan projek berimpak tinggi yang bersifat *urgent* atau segera dalam PCDS 2030, yang akan mempercepat pertumbuhan Sarawak untuk menjadi sebuah negeri maju. Sehubungan itu, kita mesti menumpukan usaha kepada projek keutamaan, yang akan menyebabkan Sarawak mencapai matlamat kita iaitu Kemakmuran Ekonomi, Keterlibatan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar.

19. Tahun ini juga kita akan meraikan **60 tahun Sarawak** bersama-sama dengan Sabah dan Malaya dalam menubuhkan Malaysia. Sarawak akan mengadakan pelbagai program dan aktiviti untuk meraikan sambutan 60 tahun penubuhan Malaysia. Dalam masa yang sama kita hendaklah menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas banyaknya nikmat pembangunan yang telah kita kecapai khususnya dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keselamatan.

20. Oleh itu, saya ingin menyeru semua rakyat Sarawak untuk sama-sama bersatu memastikan perpaduan dalam kepelbagaian dengan meraikan Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Marilah kita menjadikan Sarawak sebagai wilayah yang maju dan makmur untuk kesejahteraan bersama.

21. Sekali lagi, saya ucapkan setinggi syabas dan tahniah kepada **Majlis Islam Sarawak** serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini dan marilah kita memohon

keredhaan dari Allah Subhanahuwataala, agar dengan berkat Malam Nuzul Al-Quran dan bulan Ramadan yang mulai ini, Allah Subhanahuwataala akan **membentuk dan mencorak negeri dan negara kita ke arah Sarawak yang lebih maju dan makmur dan dalam masa yang sama negeri dan negara kita menjadi lebih sejahtera, diberkati dan dirahmati** sesuai dengan Firman Allah dalam surah Saba' ayat 15 yg bermaksud 'Baladun Tayyibatun wa Rabbun

Ghafur' iaitu negara yang baik dan mendapat keampunan Ilahi.

22. Berlandaskan doa dan pengharapan tersebut, dengan lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya **merasmikan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Sarawak bagi Tahun 1444 Hijri bersamaan Tahun 2023 Masihi.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.